

Sokong BN untuk jamin pembangunan

SEREMBAN, Isnin — Pengundi-pengundi di kawasan Parlimen Seremban perlu menyokong calon Barisan Nasional jika mereka ingin memastikan pembangunan di situ berterusan, tegas Datuk Musa Hitam, hari ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, negara memerlukan sokongan rakyat untuk meneruskan perjuangan yang telah dipelopori oleh pemimpin-pemimpin sebelum ini.

"Kejayaan kerajaan Barisan Nasional ditentukan oleh rakyat sendiri dan jika dapat dicapai di Seremban sekali lagi pada Sabtu ini, ia adalah satu penghormatan untuk meneruskan perjuangan demi kepentingan negara, bangsa dan agama," katanya lagi.

Datuk Musa berkata demikian ketika berucap kepada kira-kira 5,000 rakyat Seremban di Dewan Rekreasi Seremban di sini, hari ini.

Turut hadir di majlis itu ialah Pengerusi Barisan Nasional Negeri, Datuk Rais Yatim, Pengarah Pilihanraya Parlimen Seremban, Datuk Mohd Isa Samad, Pemangku Presiden Kebangsaan MCA, Datuk Dr Neo Yee Pan, Ahli-Ahli Dewan Negara, ahli Dewan Undangan Negeri Seremban, pemimpin parti MCA dan MIC.

Menurut Datuk Musa lagi, pimpinan Barisan Nasional tidak berasaskan personaliti, tidak di kongkang oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau Presiden MIC, Datuk Samy Vellu tetapi setiap seorang anggota parti.

Parti-parti anggota Barisan Nasional seperti Umno, MCA, MIC, Berjaya dan

Gerakan jelas Datuk Musa, menjalankan sistem pentadbiran terbuka dan demokrasi.

Tambahnya, sistem pentadbiran yang terbuka menjalankan pemilihan setiap kali dengan cara yang terbuka dan tidak bersembunyi.

Perletakan jawatan bekas Presiden Kebangsaan MCA, Datuk Lee San Choon harus dipuji dan jangan dikeji.

"Perletakkan jawatan itu tidak bermakna Datuk Lee pembohong atau pengkhianat kepada parti Barisan Nasional atau MCA," jelas Datuk Musa.

Ujarnya, memang sudah menjadi dasar dalam pentadbiran kerajaan Barisan Nasional ada pemimpin yang 'pergi' dan ada pemimpin yang 'datang' untuk mengganti.

Bukan prinsip Barisan Nasional sesuka hati menduduki atau menukar ketua-ketua apabila sampai masa atau tempohnya, tetapi memberi peluang kepada pemimpin-pemimpin yang lebih muda untuk memimpin negara ini.

Penukaran ini juga menunjukkan Barisan Nasional dan parti-parti komponennya mempunyai pemimpin-pemimpin muda yang boleh dilantik menjadi pemimpin yang boleh dipertanggungjawabkan bagi melahirkan pemimpin berdarah muda.

"Datuk Lee telah memperjuangkan kepentingan parti MCA dan perletakan jawatan itu hendaklah diterima dengan hati terbuka untuk melatih pemimpin yang lebih muda bagi menggantikan tempatnya kerana pentadbiran Barisan Nasional adalah berbeza dari DAP," jelas Datuk Musa.